

Identiti 8

KATEGORI: LAGU
NAMA IDENTITI: ENAM LAGU TERBITAN LEMBAGA PELANCONGAN NEGERI SEMBILAN (LPNS)

1. Enam lagu yang beridentitikan Negeri Sembilan dan menggunakan loghat Negeri Sembilan telah digubah di bawah projek yang diterajui oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Negeri Sembilan. Lagu ini telah diterbitkan oleh Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan (LPNS).
2. Lagu-lagu tersebut telah dinyanyikan oleh penyanyi berlatar belakang Negeri Sembilan. Senarai lagu dan penyanyi adalah:
 - i. Moh Dogheh (Aishah)
 - ii. Orang Kito (Ito)
 - iii. Lambaian Negeri (Aishah)
 - iv. Pepatah Petitih (Ewal)
 - v. Nogori (Waghiih)
 - vi. Dirgahayu Yang di-Pertuan Besar (Fitri)



Identiti 9

KATEGORI: BUSANA TRADISIONAL LELAKI
NAMA IDENTITI: BAJU MELAYU CEKAK MUSANG

1. Baju Melayu Cekak Musang merupakan pakaian yang digunakan oleh kaum lelaki di Negeri Sembilan.
2. Ciri-ciri Baju Melayu Cekak Musang :
 - i. Pakaian ini mempunyai kolar baju yang bercekak tinggi berdiri iaitu setinggi 2.5 cm yang melingkari leher.
 - ii. Pakaian ini juga mempunyai pesak, berkekek dan berpoket tiga.
 - iii. Terdapat juga lima buah kancing di leher yang melambangkan Rukun Islam.
3. Kelengkapan pemakaian baju Melayu Cekak Musang:
 - i. Pemakaian Baju Melayu Cekak Musang sering kali dipadankan dengan penggunaan songkok dalam majlis-majlis agama dan tidak rasmi manakala penggunaan destar biasanya digunakan sewaktu menghadiri majlis-majlis adat istiadat seperti di istana.
 - ii. Di samping itu, penggunaan sampung juga menjadi kelengkapan yang sering dipadankan bersama dan cara ikatan sampung yang digunakan adalah ikatan kembung. Penggunaan sampung juga tidak sempurna tanpa bengkong di pinggang kerana bagi memudahkan untuk menyelitkan keris di sebelah kiri pinggang.
4. Destar Negeri Sembilan:
 - i. Destar Dendam Tak Sudah
 - ii. Destar Solok Timbo
 - iii. Destar Kacang Dua helai Daun
 - iv. Destar Sarang Kerengga
 - v. Destar Olang Menyosong Angin
5. Jenis-jenis ikatan sampung:
 - i. Ikatan Janda Berhias
 - ii. Ikatan Pahlawan
 - iii. Ikatan Dandang Perantau
 - iv. Ikatan Ombak Beralun
 - v. Ikatan Ayam Teleng
 - vi. Ikatan Juntaian Kasih
 - vii. Ikatan Cekak Sembilan

KATEGORI: BUSANA TRADISIONAL WANITA
NAMA IDENTITI: BAJU KURUNG IBU SOKO

1. Ciri-ciri:
 - i. Baju kurung Ibu Soko ini mempunyai leher Telok Belanga Jahitan Tulang Belut dan mempunyai ikatan tindih kasih.
 - ii. Potongan baju ini pula berbentuk kembang payung, berpesak dan berkekek.
 - iii. Terdapat perbezaan cara pemakaian kain sampung bagi setiap luak, sebagai contoh Luak Ulu Muar, Kuala Pilah akan memakai kain sampung di pinggang manakala Luak Jelebu memakai ikatan kain sampung sehingga paras dada.
 - iv. Pemakaian Baju Kurung Ibu Soko ini disertakan dengan bertelepok (tengkolok) daripada kain batik lepas.

KATEGORI: BUSANA TRADISIONAL WANITA
NAMA IDENTITI: BAJU KEBAYA SETENGAH TIANG

1. Ciri-ciri:
 - i. Kebiasaannya baju ini dipadankan dengan penggunaan kain batik sarung.
 - ii. Baju Kebaya Setengah Tiang mempunyai kain potongan sembilan, berpesak dan berkekek serta panjang kelubuhan baju ini bawah dari punggung dan atas dari lutut.
 - iii. Pemakaian Baju ini berbeza mengikut aktiviti yang dilakukan, sebagai contoh jika hendak melakukan aktiviti ke sawah biasanya akan menggunakan kain kapas berbunga manakala menghadiri majlis keramaian akan menggunakan fabrik kain kasa dan tenunan songket benang emas serta dipadankan dengan kerongsang tiga di dada.

KATEGORI: BUSANA TRADISIONAL WANITA
NAMA IDENTITI: BAJU KURUNG PENGANTIN NEGERI SEMBILAN

1. Baju Kurung Pengantin Negeri Sembilan merupakan busana adat yang sering digunakan oleh pengantin perempuan di Negeri Sembilan.
2. Ciri-ciri:
 - i. Busana ini menggunakan ikatan kain Tindih Kasih dan menggunakan baju kurung tenunan songket.
 - ii. Busana ini juga mengenakan rantai, gelang kaki, dokoh dan lapik dada sebagai perhiasan di busana tersebut.
 - iii. Penggunaan "gandek" juga digunakan dalam busana ini sebagai perhiasan dahi pengantin.
 - iv. Sanggul Lintang yang sering dipadankan dengan busana ini menaikkan lagi seri pengantin perempuan.



Diterbitkan oleh:

Unit Korporat, Inovasi dan Kualiti
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

Tingkat 4, Blok D, Wisma Negeri
70503 Seremban Negeri Sembilan

+606-765 9900 +606-761 7386

✉ korporatsukns@ns.gov.my
korporatsukns@gmail.com



9 Identiti Negeri Sembilan



ADAT PERPATIH
RUMAH TRADISIONAL BUMBUNG PANJANG
GULAI KUNING
BUNGA LADA
GASING NEGERI SEMBILAN & DAM HARIMAU
CAKLEMPONG

TARIAN PIRING LAMBUNG
ENAM LAGU TERBITAN LEMBAGA PELANCONGAN NEGERI SEMBILAN
EMPAT BUSANA NEGERI SEMBILAN

Identiti 1

KATEGORI: ADAT
NAMA IDENTITI: ADAT PERPATIH

- Adat Perpatih yang diamalkan di Negeri Sembilan adalah berbeza dengan Adat Minangkabau kerana Adat Perpatih merupakan asimilasi tiga adat utama iaitu Adat Tuah Disakato dari Alam Minangkabau, Adat Langgan Baru Siak dan Adat Benar Orang Asli Negeri Sembilan
- Pada masa ini pengamal Adat Perpatih sebahagian besarnya adalah masyarakat Melayu di Negeri Sembilan (kecuali Port Dickson) dan kawasan Nanning di Melaka dan juga beberapa kawasan di Johor dan Selangor. Adat Perpatih adalah satu sistem unik yang membezakannya dengan masyarakat yang lain.
- Jenjang Adat Perpatih:
 - Adat Sebenar Adat
 - Adat Yang Diadatkan
 - Adat Yang Teradat
 - Adat Istiadat
- Ciri-ciri:
 - Islam:** Amalan dalam kehidupan harian berlandaskan hukum dan syariat Islam
 - Pemimpin dan Kepimpinan:** Sistem kepimpinanan berasaskan sistem demokrasi. Tugas dan peranan bermula daripada DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Undang, Penghulu Luak, Lembaga, Buapak, Besar Waris dan Ibu Soko.
 - Persempadanan Adat dan Luak:** Kawasan pentadbiran dari Istana, Luak Berundang, Luak Tanah Mengandung, Luak Lingkungan dan Wilayah Pesaka Kecil.
 - Kekerabatan Matrilineal dan Persukuan:** Salasilah keturunan sesebuah keluarga dan suku berdasarkan keturunan ibu.
 - Pemilikan Harta:** Merujuk kepada pemilikan harta cara Dapatan, Carian, Pembawaan dan Pesaka.
 - Seni dan Budaya:** Merujuk kepada seni bina, makanan, muzik dan lagu, pakaian, adat dan istiadat, cerita rakyat, pantang larang dan lain-lain.
 - Ekonomi:** Setiap individu atau luak mempunyai harta atau tanah seperti kebun, sawah dan lain-lain yang perlu diusahakan dan boleh disewakan dengan kaedah tertentu.
 - Kesopanan, Kesusilaan dan Gotong-royong:** Adat membentuk seseorang individu sentiasa menjaga sopan dan tatasusila diri sesama manusia.

Identiti 2

KATEGORI: SENI BINA
NAMA IDENTITI: RUMAH TRADISIONAL BUMBUNG PANJANG

- Reka bentuk seni bina Negeri Sembilan melambangkan pengamalan budaya Adat Perpatih oleh masyarakatnya. Setiap setiap luak ada perbezaan daripada segi reka bentuk asas dan berbeza dengan seni bina rumah gadang.
- Ciri-ciri seni bina:
 - Gabungan ciri-ciri alam bina dari Minangkabau, Melayu Riau khususnya Bangkahulu dengan masyarakat tempatan (Orang Asli).
 - Berkonsepkan rumah bumbung panjang.
 - Mempunyai bumbung bertingkat antara atap bumbung rumah tengah.
 - Fungsi ruang: tiga ruang asas – serambi, rumah ibu dan dapur.
 - Tiang rumah jenis pecah 4, 6 dan 8.
 - Mengamalkan reka bentuk binaan simetri menggunakan Tiang Seri, rasuk dan pelancar.
- Komponen utama rumah:
 - Tangga:** terdapat anak tangga naik ke serambi, jenis terbuka dan tertutup.
 - Serambi:** berfungsi sebagai tempat menyambut dan meraikan tetamu lelaki dan hanya dibenarkan naik sehingga ke serambi sahaja, ada tiga bahagian Hujung, Tengah dan Pangkal.
 - Rumah ibu:** merupakan ruang domain perempuan. Aras lantai lebih tinggi berbanding lantai yang lain sebagai tanda menghormati kaum wanita.
 - Bilik:** ruang istirahat tetamu, bersebelahan ruang ibu.
 - Loteng / Peran:** tingkat dua ruang ibu, tempat menyimpan khazanah keluarga dan tempat berlindung / bermalam anak-anak gadis
 - Kelek Anak:** berkedudukan di antara rumah ibu dan susur gajah, digunakan untuk tempat meletak barang-barang keperluan seharian seperti almari solek, tikar dan lain-lain.
 - Gajah Menyusur:** berkedudukan di antara kelek anak dan ruang dapur, kawasan istirahat, waktu senggang dan juga tempat melakukan aktiviti mencuban jala, menyidai pakaian pada musim hujan dan lain-lain
 - Dapur:** sebagai ruangan menyimpan makanan, memasak dan ruang makan keluarga.
- Motif Ukiran:
 - Flora: Pucuk Rebung
 - Fauna: Ayam Berlaga
 - Geometri



Identiti 3

KATEGORI: MAKANAN TRADISIONAL
NAMA IDENTITI: GULAI KUNING

- Ciri-ciri:
 - Masakan yang disalai
 - Rendang
 - Celur atau rebusan
 - Lawar
 - Gulai Kuning
- Pada November 1977, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan telah memutuskan Masak Lomak Lado Api menjadi identiti Negeri Sembilan. Oleh itu, identiti ini diangkat semula sebagai salah satu identiti negeri dan dinamakan Gulai Kuning.
- Ciri-ciri:
 - Bahan-bahan utama dalam masakan ini merupakan simbolik bagi menyediakan Gulai Kuning iaitu **santan**, **cili padi kampung (capsicum frutescens)** serta **kunyit hidup** yang menjadikan masakan tersebut berwarna kuning. Warna yang kekuningan menyebabkan masakan tersebut turut digelar sebagai Gulai Kuning. Bahan utama ini menjadikan Gulai Kuning berbeza dengan masakan negeri lain.
 - Keunikan masakan ini adalah pelbagai bahan seperti ayam, daging, ikan dan sayur-sayuran yang pelbagai seperti buah bacang muda, asam gelugur, kulit rambai kering, buah cepu, nanas dan lain-lain boleh disediakan menjadi Gulai Kuning.
 - Panggilan Gulai Kuning lebih sinonim dengan panggilan oleh masyarakat awam dan Luak Adat Perpatih.



KATEGORI: PERMAINAN TRADISIONAL (INDOOR)
NAMA IDENTITI: DAM HARIMAU

- Permainan Dam Harimau popular dalam kalangan kanak-kanak dan dewasa satu ketika dahulu da permainan ini banyak dimainkan di warung-warung serta kedai makan di seluruh daerah di Negeri Sembilan.
- Permainan ini mudah dimainkan dengan penyediaan papan dam yang boleh dilukis sendiri serta bual dam/tir adalah daripada kayu atau tudung botol diwarnakan dalam dua warna untuk membezakan pemain
- Permainan ini juga memerlukan daya pemikiran dan strategi dalam menewaskan pihak lawan
- Permainan ini pernah diangkat menjadi identiti Negeri Sembilan melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan 1998.

Identiti 6

KATEGORI: MUZIK
NAMA IDENTITI: CAKLEMPONG

- Muzik Caklempong dikatakan berasal dari Sumatera Barat yang dibawa oleh Orang Minangkabau ke Negeri Sembilan pada awal abad ke-14. Caklempong juga dikenali sebagai telempong oleh orang Minangkabau Pada awalnya caklempong bukan sahaja dimainkan secara berdiri dan duduk tetapi juga istiadat pertabaln raja.
- Konsep Persembahan:
 - Caklempong tergolong dalam kumpulan Idiofon iaitu kategori alat muzik yang dibuat daripada bahan kayu, buluh dan tempurung. Biasanya dimainkan dengan pukulan, hentakan, goncangan dan ketukan
 - Caklempong boleh dimainkan secara berdiri dan duduk
 - Caklempong pacik digunakan untuk mengiringi perarakan tetamu dimainkan sambil berjalan.
 - Muzik caklempong turut mengiringi pencak silat, tarian lilin, tarian piring dan tarian inai.
- Alat muzik Caklempong
 - Gereteh
 - Tingkah
 - Saua
 - Gendang
 - Serunai

Identiti 7

KATEGORI: TARIAN
NAMA IDENTITI: TARIAN PIRING LAMBUNG

- Tarian yang merupakan tarian masyarakat Negeri Sembilan. Setiap gerak tari melambangkan kehidupan masyarakat Negeri Sembilan.
- Tarian ini berkonsepkan berpasangan iaitu sekurang-kurangnya empat orang pasangan atau lebih. Geral tari tarian ini adalah seiring dengan lambungan piring dan amat memerlukan kepakaran serta kecekapan yang tinggi daripada pasangan tersebut.
- Falsafah lambungan piring: Lambungan piring melambangkan sikap satu hati dan persepakatan kerana lambungan perlu satu persefahaman yang baik antara pasangan agar piring yang dilambung tidak jatuh. Perkara ini juga dapa melambangkan bahawa masyarakat Negeri Sembilan saling bekerjasama dan tolong-menolong antara satu sama lain bagi menjayakan sesuatu perkara.
- Muzik tarian Piring Lambung: Tarian ini diiringi oleh alat muzik Salong dan Caklempong (Rebana, Gong dar Gereteh) serta Gitar Bass.
- Kostum tarian Piring Lambung:
 - Pola baju adalah berasaskan baju randai tetapi diubah suai mengikut konsep masyarakat Melayu dar berseluar tiga suku yang melambangkan gaya petani di Negeri Sembilan.
 - pemakaian tanjak seperti Tanjak Silang Bertindih dan samping ikat tiga segi juga turut dipadankan dengan pakaian tersebut

Identiti 4

KATEGORI: BUNGA
NAMA IDENTITI: BUNGA LADA

- Bunga Lada atau Lado di dalam sebutan masyarakat Negeri Sembilan adalah bunga yang boleh melambangkan keunikan yang terdapat di Negeri Sembilan. Bunga ini diketengahkan bagi melambangkan keunikan Negeri Sembilan yang sinonim dengan masakan pedasnya gulai kuning.
- Ciri-ciri:
 - berwarna putih
 - mempunyai kelopak daun
 - lima kelopak bunga
 - lima stamen
 - stigma
- Maksud dan lambang:
 - Daun:** Rakyat Negeri Sembilan
 - Kelopak Bunga:** 5 kelopak bunga melambangkan 5 Rukun Islam serta 5 Rukun Negara.
 - Stamen (Benang Sari):** Undang Yang Empat (Undang Sungai Ujong, Undang Jelebu, Undang Johol, Undang Rembau) dan Tuanku Besar Tampin
 - Stigma:** Yang di-Pertuan Besar



Identiti 5

KATEGORI: PERMAINAN TRADISIONAL (OUTDOOR)
NAMA IDENTITI: GASING NEGERI SEMBILAN

- Permainan gasing dipercayai telah dimainkan oleh masyarakat Negeri Sembilan sebelum merdeka lagi. Setiap kampung mempunyai pasukan mereka sendiri. Terdapat juga individu yang mahir dalam pembuatan gasing dan tali terap.
- Banyak perlawanan persahabatan atau pertandingan diadakan oleh kampung-kampung ini. Mereka akan mengadakan kenduri dan juga hadiah bagi perlawanan gasing ini yang diadakan di tempat terbuka atau tanah liat keras.
- Tujuan utama permainan gasing adalah untuk melahirkan semangat silaturahim dalam kalangan masyarakat ketika itu.
- Sebuah persatuan gasing Negeri Sembilan telah ditubuhkan pada sekitar tahun 1960.
- Rupa, saiz dan bentuk Gasing Negeri Sembilan adalah berlainan dari negeri lain.

